



**Relevansi Pemikiran dan Sumbangan  
Ahmad Mohamed Ibrahim (1916-1999)  
dalam Transformasi Perundangan Islam di  
Malaysia: Satu Sorotan Literatur**

**Islamic  
Administration Law**

**101**

***The Relevance of the Thoughts and Contributions  
of Ahmad Mohamed Ibrahim (1916-1999) in the  
Transformation of Islamic Law in Malaysia: A  
Literature Review***

Submitted date: 17 July 2025  
Revised date: 11 September 2025  
Acceptance date: 9 October 2025  
Available online: 31 October 2025

MOHAMMAD HARIZ SHAH MOHAMMAD

HAZIM SHAH

(Corresponding Author)

Pusat Pengajian Undang-Undang  
Kolej Undang-Undang Kerajaan  
dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok, Kedah, Malaysia  
harizshah@uum.edu.my

**ABSTRAK**

Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim merupakan seorang tokoh perundangan terulung yang telah mencorak landskap perundangan dan kehakiman yang dinamik dan harmoni di Malaysia. Meskipun sumbangan beliau memberi impak signifikan terhadap transformasi perundangan Islam di Malaysia, namun terdapat beberapa cadangan beliau masih belum direalisasikan. Kajian ini bertujuan membuat ulasan kepustakaan terhadap penulisan berkaitan Ahmad Ibrahim dan idea beliau yang masih kekal relevan sehingga hari ini. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa pemikiran dan sumbangan beliau dalam memperkasa undang-undang Islam dalam struktur kerangka sistem undang-undang Sivill yang dominan di Malaysia masih relevan sehingga hari ini. Beberapa cadangan Ahmad Ibrahim perlu dikaji lebih lanjut lagi seperti pembentukan *Common Law* Malaysia, penubuhan Mahkamah Persekutuan Syariah dan prospek masa depan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan agar undang-undang Islam dapat diletakkan di tempat yang tertinggi dan dihormati di Malaysia.

**Kata Kunci:** Ahmad Ibrahim, Transformasi, Undang-Undang Islam, *Common Law* Malaysia, Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.





## ABSTRACT

Professor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim was a distinguished legal luminary who played a pivotal role in shaping a dynamic and harmonious legal and judicial landscape in Malaysia. While his contributions have significantly impacted the transformation of Islamic law in the country, several of his proposals have yet to be fully realised. This study aims to conduct a literature review on writings related to Ahmad Ibrahim and his ideas, which remain relevant to this day. A qualitative approach was employed through library research and document analysis methods. The study finds that his thoughts and contributions toward strengthening Islamic law within the dominant framework of Malaysia's civil legal system continue to hold relevance. Several of Ahmad Ibrahim's proposals warrant further exploration, such as the development of a Malaysian Common Law, the establishment of a Federal Syariah Court, and the future prospects of Article 121(1A) of the Federal Constitution — all of which are crucial to elevating and honouring the position of Islamic law in Malaysia.

**Keywords:** Ahmad Ibrahim, Transformation, Islamic Law, Malaysian Common Law, Article 121(1A) of the Federal Constitution.

## PENGENALAN

Terdapat banyak penulisan berkaitan Ahmad Ibrahim dari sudut biografi, sahsiah, pemikiran dan sumbangan beliau yang pelbagai dan signifikan. M.B. Hooker (1986) menyifatkan Ahmad Ibrahim sebagai seorang yang amat luar biasa atas kecemerlangannya dalam semua bidang yang diceburi sebagai seorang penjawat awam, pensyarah dan pengkaji. Bukan itu sahaja, Ahmad Ibrahim juga berjaya menghasilkan penulisan, penerbitan dan kajian asli beliau pada standard tertinggi. Dalam artikel ini, penulis membahagikannya kepada tiga tema iaitu (i) Transformasi Perundangan Islam di Malaysia; (ii) Pemikiran dan Sumbangan Ahmad Ibrahim dalam Transformasi Perundangan Islam di Malaysia; dan (iii) Relevansi Pemikiran dan Sumbangan Ahmad Ibrahim dalam Transformasi Perundangan Islam di Malaysia. Ketiga-tiga tema ini akan memberi gambaran yang jelas terhadap penulisan-penulisan terdahulu dan membawa kepada kelompongan kajian (research gap) yang belum dikaji secara mendalam sebelum ini, seterusnya menuntut kepada kajian lanjutan dan perbincangan mendalam terutamanya dalam beberapa kes dan permasalahan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil yang masih berlaku sehingga hari ini.

## TRANSFORMASI PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, orang Melayu telah mengikut undang-undang adat yang dipengaruhi sedikit sebanyak unsur-unsur Hindu yang kemudiannya diubah suai selaras dengan Islam setelah Raja-raja dan orang Melayu memeluk Islam (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1985). Malahan sebelum kedatangan penjajah lagi, undang-undang Islam merupakan undang-undang utama (law of the land) atau *lex loci* di Tanah Melayu (Kes Ramah Iwn. Laton, 1927). Oleh itu, undang-undang yang

diamalkan pada masa dahulu ialah undang-undang Islam yang dicampur dengan undang-undang adat. Ini dapat dilihat melalui undang-undang bertulis yang telah diperkenal di Tanah Melayu.

Dalam konteks pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sebelum penjajahan Barat, undang-undang bertulis telah diperkenalkan yang dikenali sebagai Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka (Winstedt, 1958). Hanya setelah kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, mereka terus berusaha melaksanakan undang-undang Inggeris bermula di Pulau Pinang atas alasan bahawa ia belum mempunyai apa-apa sistem undang-undang kerana belum pernah diduduki oleh sesiapa sebelum ini yang membawa kepada penubuhan Mahkamah Inggeris melalui pengisytiharan Piagam Keadilan I (1807), II (1819) dan III (1824). Akibatnya, skop undang-undang Islam menjadi sempit dan terbatas tertakluk kepada undang-undang personal dan keluarga sahaja (Mahmood Zuhdi, 1997, Hafifi, Murshidi & Hakim, 2019).

Zaleha Kamaruddin (2011) berpandangan bahawa keperluan di era globalisasi yang menuntut mekanisme pelbagai dalam mencapai keadilan namun masih mengekalkan kerangka Islam perlu diambil kira ke arah usaha transformasi untuk mengembalikan undang-undang Islam ke tempatnya yang dihormati di Malaysia. Apa yang diperlukan oleh undang-undang Islam kini menurut Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997) adalah supaya ia bersifat realistik dan sesuai dilaksanakan di Malaysia berdasarkan pendekatan semasa dan setempat dengan mengambil kira nilai-nilai dan norma-norma hukum dalam al-Quran dan as-Sunnah. Malahan beliau sendiri menganjurkan pembinaan Fiqh Malaysia bagi tujuan tersebut (Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad, 2000).

Walaupun al-Quran, as-Sunnah, *ijmā'* dan *qiyās* merupakan sumber utama undang-undang Islam atau teori undang-undang klasik dalam Islam yang juga disebut sebagai usul fiqh, namun sumber undang-undang lain seperti uruf atau adat tempatan juga membentuk undang-undang Islam itu sendiri untuk disesuaikan dengan amalan masyarakat dan mazhab sesebuah negara mengikut peredaran zaman dan tempat tersebut (Ahmad Munir, 2017). Konsep ini sekali gus menolak pandangan sesetengah sarjana Barat yang beranggapan bahawa perundangan Islam adalah bersifat statik dengan tidak menggunakan pendekatan lain mengikut peredaran semasa bagi membentuk sebuah undang-undang yang lebih progresif dan terkehadapan (Hariz Shah, 2023).

Hakikatnya, walaupun Malaysia merupakan sebuah negara majoriti penduduk Islam bermazhab Syafie, namun pandangan mazhab muktabar yang lain seperti Maliki, Hanafi dan Hanbali juga diambil kira. Ahmad Ibrahim berpendapat dalam mengeluarkan fatwa dan hukum, pertimbangan harus diberikan juga mengikut *qaul* daripada mazhab Ahl al-Sunnah yang lain yang mana difikirkan munasabah sekiranya *qaul* mazhab Syafie itu akan berlawanan dengan faedah umum (Ahmad Nabil, 2022).

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, keperluan transformasi adalah bagi membangunkan pentadbiran undang-undang Islam dan mengembalikannya ke tempat asal yang dihormati dan tertinggi, yang telah berubah semenjak zaman

penjajahan British. Keperluan ini hanya mampu dicapai melalui beberapa transformasi atau perubahan terhadap sistem perundangan dan kehakiman, khususnya bidang Syariah melalui idea yang telah dicetuskan oleh Ahmad Ibrahim. Ahmad Ibrahim mengambil contoh undang-undang Barat untuk diserasikan dengan undang-undang Islam, mengkaji undang-undang Islam di beberapa negara Timur Tengah untuk dibawa ke Malaysia dan pendekatan non-konfrontasional beliau bagi membentuk undang-undang yang bersifat dinamik, harmonis dan organik sesuai dengan kehidupan sosio-masyarakat berbilang bangsa, kaum dan agama sebagai metodologi transformasi perundangannya (Hariz Shah, 2023).

Kesan atau impak daripada penjajahan Inggeris dapat dirasai secara teori dan amali terhadap bentuk undang-undang dan pembangunan Mahkamah Syariah yang ada pada hari ini. Menurut Horowitz (1994), pengkanunan undang-undang dan penggunaannya di Mahkamah Syariah merupakan antara faktor Islamisasi di Malaysia. Pengkanunan undang-undang Syariah yang sistematik dan teratur bermula dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 Negeri Selangor yang kemudiannya turut diikuti negeri-negeri lain (Abdul Monir, 2009).

Dari aspek transformasi Mahkamah Syariah, secara keseluruhannya Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2007) berpendapat bahawa Mahkamah Syariah mengalami perkembangan positif dan lebih baik dalam aspek status kakitangan, pentadbiran, kenaikan taraf mahkamah dan infrastruktur. Perkara ini turut disokong Abdul Monir Yaacob (2017) yang turut menyatakan bahawa kedudukan Mahkamah Syariah buat masa ini telah diberi kedudukan yang lebih baik berbanding pada zaman penjajah namun masih ada ruang untuk pembaikan, peningkatan dan pemantapan. Ahmad Hidayat Buang (2018) juga bersetuju bahawa perkembangan Mahkamah Syariah dari segi pembangunan daya manusia, prasarana dan perundangan adalah positif natijah pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tetapi keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Ghandi* (2018) telah meragui tujuan dan kesan pindaan tersebut terhadap Mahkamah Syariah kini.

Walaupun begitu, secara positifnya Mahkamah Syariah mengambil contoh undang-undang Sivil bagi pemakaian undang-undang Syariah yang lebih tersusun dan sistematik, gelaran Kadi kepada Hakim Syarie, kod pemakaian Hakim dan Peguam Syarie, tingkatan hierarki Mahkamah Syariah kepada tiga peringkat, bangunan fizikal Mahkamah Syariah yang lebih kemas dan profesional serta pelbagai lagi. Dalam hal ini, Ahmad Ibrahim merupakan tokoh penting yang mempelopori idea transformasi dan pembaharuan Mahkamah Syariah di Malaysia. Landskap perundangan Islam dan Mahkamah Syariah yang moden dan dinamik di Malaysia hari ini adalah natijah daripada idea dan sumbangan Ahmad Ibrahim melalui pendekatan pentadbiran, perundangan dan pendidikan yang bersifat organik dan non-konfrontasional. Pendekatan sebegini adalah sesuatu yang sesuai dan harmonis dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia yang berbilang ras, kaum dan agama (Hariz Shah & Ahmad Hidayat, 2021; Hariz Shah & Ahmad Hidayat, 2022; Hariz Shah, 2024).

Dalam aspek lain, transformasi perundangan Islam di Malaysia dilihat dari perspektif yang lebih rinci terutama berkait dengan Mahkamah Syariah, harta sepencarian dan hukuman jenayah Syariah. Dengan mengambil sampel amalan pembahagian harta sepencarian, Mohd Norhusairi Mat Hussin (2020) berpandangan ia dikembangkan daripada adat tradisi masyarakat Nusantara yang telah mengalami pelbagai transformasi dan perkembangan di Malaysia khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu dan peribumi di Malaysia. Beliau menyimpulkan bahawa transformasi yang berlaku terhadap amalan pembahagian harta sepencarian ini turut mempengaruhi transformasi dalam amalan kehakiman terhadap kes-kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah Malaysia. Konsep amalan pembahagian harta sepencarian yang diasaskan daripada adat masyarakat Melayu Nusantara ini juga turut menepati konsep keadilan dalam Islam yang memberi pengiktirafan terhadap pihak-pihak yang berhak terhadap harta-harta yang dikumpulkan sepanjang tempoh perkahwinan. Ini turut menyokong kajian M.B. Hooker (1986) berkaitan pemakaian adat di Kepulauan Alam Melayu yang turut menjadikannya sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam selagi mana ia tidak bercanggah dengan Syariah dan memberi kebaikan kepada masyarakat amnya.

Dari sudut hukuman jenayah Syariah, Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2014) telah mencadangkan keperluan untuk menambah beberapa hukuman takzir yang boleh dilaksanakan selain daripada hukuman penjara, denda dan sebat sedia ada supaya lebih pelbagai dalam menghadapi cabaran dan keperluan semasa masyarakat kini. Langkah transformasi dari aspek ini adalah penting ke arah memperkasa institusi kehakiman Islam agar sentiasa relevan dengan suasana dan keadaan semasa, berbeza dengan amalan tradisi hukuman dalam Islam. Meskipun keterbatasan hukuman sepertimana yang diperuntukkan melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984), beliau mencadangkan supaya hukuman berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman khidmat masyarakat, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan program di masjid. Hukuman kontemporari seperti ini dilihat lebih bersifat mendidik berbanding menghukum sesuai dengan maqasid hukuman dalam Islam yang mementingkan keadilan.

Tajuk dan skop yang sama juga ditulis oleh Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2017) yang menekankan bentuk hukuman takzir dalam perundangan Islam iaitu berbentuk (i) fizikal, (ii) sekatan kebebasan, (iii) harta dan (iv) pendekatan kejiwaan. Kepelbagaian bentuk hukuman takzir ini sekali gus membidas pandangan sesetengah orientalis seperti Schacht (1960) yang menyatakan bahawa hukuman dalam perundangan Islam bersifat rigid dan statik, atau hanya bersifat *al-taqlid* dengan tidak mengguna pakai pendekatan metodologi undang-undang Islam yang lain. Namun begitu, beberapa faktor yang boleh menjejaskan usaha mentransformasi bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam usaha menambah baik bidang kuasa takzir ini perlu dikenal pasti terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, aspek transformasi perundangan Islam dalam aspek lain berdasarkan idea Ahmad Ibrahim seperti mewujudkan *Common Law Malaysia*,



pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dan penstrukturan semula Mahkamah Syariah wajar dikaji melalui kes-kes terkini agar kerelevanan idea tersebut pada masa itu adalah masih sesuai pada hari ini untuk sama ada diteruskan, ditolak atau ditambah baik lagi.

## **PENULISAN BERKAITAN PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN AHMAD IBRAHIM DALAM TRANSFORMASI PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Terdapat banyak penulisan yang telah ditulis berkaitan transformasi perundangan Islam dan ketokohan Ahmad Ibrahim. Kebanyakan penulisan yang ditulis dan dihasilkan dalam bentuk buku, artikel jurnal, disertasi dan koleksi persidangan seminar adalah dari aspek ketokohnya, biografi, keperibadian dan sahsiah, latar belakang pendidikan dan kerjaya serta pemikiran dan sumbangan beliau secara umum dalam bidang undang-undang pentadbiran, keluarga, jenayah, harta, perbankan dan sebagainya.

Menurut Liaw Yock Fang (1976), Sir Thomas Raffles merupakan orang pertama yang mengumpul manuskrip undang-undang Melayu ketika di Pulau Pinang (1805-10) seterusnya menimbulkan minat pentadbir Inggeris lain seperti Logan, Lister, Maxwell, Wilkinson, Winstedt dan Taylor untuk mengkaji tentang undang-undang Islam dan adat di Tanah Melayu. Tidak ramai para cendekiawan Islam berminat untuk mengkaji kepentingan undang-undang Islam dalam konteks amalan dan sistem perundangan negara sehinggalah munculnya Ahmad Ibrahim melalui *Islamic Law in Malaya* (1965) yang menjadikan tulisan pentadbir Inggeris tersebut sebagai asas perbincangan di samping pengalamannya menjadi pegawai dan pengamal undang-undang.

Menurut Ahmad Hidayat Buang (2005), *Islamic Law in Malaya* merupakan antara tulisan terawal dalam pengajian undang-undang Islam di Malaysia. Kenyataan ini turut didukung oleh Abdul Monir Yaacob (2005). Ia juga merupakan buku pertama yang dihasilkan oleh beliau dalam bidang perundangan. Zainuddin Jaafar (2007) menyatakan bahawa buku *Islamic Law in Malaya* ini merupakan sebuah buku malar segar (evergreen) dan bacaan asas bagi sesiapa yang ingin mempelajari tentang pengenalan kepada sistem perundangan Islam.

Buku *Islamic Law in Malaya* ini membincangkan tentang sumber dan perkembangan undang-undang bagi orang Islam serta undang-undang keluarga, kehartaan, jenayah, keterangan dan prosedur di Malaysia dan Singapura. *Sistem Undang-undang di Malaysia* (1985) tulisan Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones 20 tahun selepas itu memperinci lagi sejarah perkembangan undang-undang sebelum kemasukan undang-undang Inggeris dan penerimaan undang-undang Inggeris di zaman penjajahan Inggeris selain dinyatakan juga berkenaan undang-undang adat, undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris yang diamalkan khusus di Malaysia. Hasilnya, Ahmad Ibrahim telah menerbitkan sebanyak hampir 20 buah buku dan 200 esei termasuklah sejumlah buku teks dan artikel yang menjadi sumber rujukan asas dalam pengajian perundangan Sivil dan Islam serta kehakiman.

Berkaitan biodata atau biografi Ahmad Ibrahim, beberapa buku dan artikel telah ditulis seperti *Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim* (1988) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan *Permata Pengislahan Perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim* (2007) terbitan MPH Group Publishing Sdn Bhd. Rafiah Salim (1988) menyatakan bahawa buku *Makalah Undang-undang* tersebut ditulis sebagai penghormatan dan tanda kasih daripada mereka yang pernah menjadi pelajar Ahmad Ibrahim dan dihasilkan dalam Bahasa Melayu kerana Ahmad Ibrahim merupakan tokoh yang mempelopori pengajaran dan pembelajaran undang-undang dalam Bahasa Melayu di Malaysia kerana kepercayaan beliau terhadap bahasa tersebut sebagai jentera pengajaran dan pembelajaran undang-undang sebagai bahasa penguatkuasaan undang-undang di Mahkamah.

Artikel yang menulis tentang ketokohan Ahmad Ibrahim secara umum bertajuk *Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim dan Profesor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar: Kajian Konseptual Terhadap Profil dan Sumbangan Tokoh* (2019). Artikel ini membincangkan tentang dua tokoh intelektual Melayu tersebut dari sudut latar belakang, sumbangan dan karya tokoh dalam bidang ilmu dan Islam. Aemy, Saiful, 'Aisyah dan Nooranisa (2019) berpandangan bahawa jasa Ahmad Ibrahim sepanjang hayatnya secara langsung atau tidak langsung sama ada dalam bentuk idea, Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan, Ahli Majlis Penasihat Syariah, program akademik, penulisan, pengajaran dan bimbingan telah membuahkan kejayaan dan memberikan sumbangan untuk memenuhi keperluan sektor perbankan Islam terutamanya dari aspek infrastruktur undang-undang dan Syariah termasuk modal insan yang berpengetahuan.

Ahmad Nabil Amir (2022) yang mengangkat Ahmad Ibrahim sebagai Bapa Perundangan Islam Moden pula menyatakan bahawa perjuangan Ahmad Ibrahim dalam melegitimasi hukum syarak dan mengangkat undang-undang Islam telah memberi impak yang signifikan dan pengaruh yang jelas dalam sistem pentadbiran dan kehakiman Syariah serta memangkin gerakan Islamisasi undang-undang yang menjadi legasi penting dalam tradisi perundangan di Malaysia. Jalur pemikiran beliau boleh dikesan melalui isu-isu perundangan meluas yang dibawa beliau berkaitan sistem pentadbiran undang-undang Islam, kedudukan Mahkamah Syariah, undang-undang keterangan, jenayah, sivil dan kekeluargaan.

Terdapat sebuah disertasi yang mengkaji pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim khusus dalam bidang pengajian undang-undang Islam bertajuk *Ahmad Ibrahim dan Reformasi Pengajian Undang-undang Islam di Malaysia* (2011). Ia juga telah diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal. Dalam kajiannya, Mohd Badrol Awang (2011) melakukan analisis atas sumbangan pemikiran dan pelaksanaan yang telah dilakukan oleh Ahmad Ibrahim terhadap pengajian undang-undang Islam di Malaysia untuk melihat kesan dan perubahan yang berlaku terhadap pengajian undang-undang Islam itu sendiri. Hasil kajiannya mendapati bahawa Ahmad Ibrahim merupakan seorang tokoh pembaharuan dalam pengajian undang-undang Islam yang telah berjaya mengubah aliran pengajian undang-undang sedia ada di beberapa pusat pengajian tinggi di Malaysia melalui penggabungan pembelajaran undang-undang Syariah dan Sivil.



Beliau juga berpendapat usaha Ahmad Ibrahim dalam konteks pengajian hukum adalah suatu ijtihad yang telah mengambil kira keadaan dan realiti semasa.

Selain itu, satu persidangan atau seminar khas berkaitan pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim telah dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan hasil kertas kerja seminar tersebut telah dikompilasikan dalam *Koleksi Persidangan Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah* (2007). Sebanyak 29 tajuk kertas kerja yang telah dibentangkan dan disumbangkan dalam seminar ini antaranya *Pendekatan Ahmad Ibrahim dalam Undang-undang Murtad: Satu Kupasan*, *Menelusuri Pemikiran Ahmad Ibrahim dalam Undang-undang Keluarga*, *Ahmad Ibrahim dan Pemantapan Mahkamah Syariah Pasca Merdeka*, *Pendekatan Ahmad Ibrahim dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia: Satu Ulasan*, *Ahmad Ibrahim (1916-1999) Sumbangan dan Pemikiran di dalam Sistem Perbankan di Malaysia* dan banyak lagi. Kesemua kertas kerja ini dihimpunkan dalam satu *Koleksi Persidangan Khas* yang boleh didapati di Perpustakaan Undang-undang Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim, Universiti Malaya.

Pada tahun 2020, IKIM telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah* yang merupakan kompilasi 21 buah artikel dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *Bahagian 1: Sahsiah dan Kehidupan* dan *Bahagian 2: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*. Karya ini merupakan rakaman dedikasi, ingatan dan penghormatan terhadap Ahmad Ibrahim kerana rangkuman hasil tulisan adalah dalam kalangan mereka yang amat mengenali keperibadian dan mengagumi pemikiran beliau termasuk anaknya sendiri, bekas-bekas pelajar dan rakan-rakan seperjuangan beliau. Syed Agil Syed Hassan Barakbah (2020) menyatakan bahawa jasa cemerlang yang dicurahkan Ahmad Ibrahim dalam pelbagai bidang memberi manfaat kepada umum dan diterima oleh ahli perundangan dan para sarjana sebagai panduan dan pengajaran.

Judul buku lain yang ditulis oleh beberapa sarjana dan ahli akademik yang pernah menjadi sahabat, rakan sekerja dan anak murid beliau antaranya *Malaysian Legal Essays: A Collection of Essays in Honour of Professor Emeritus Datuk Ahmad Ibrahim* (1986) dan *Jurnal Undang-undang IKIM Law Journal Edisi Khas Sempena Memperingati Almarhum Profesor Emeritus Ahmad Mohamed Ibrahim* (2005). Dalam *Malaysian Legal Essays*, Al-Mansor Adabi menyatakan bahawa usaha dan kesungguhan Ahmad Ibrahim ke arah pemertabatan pentadbiran undang-undang Islam diinspirasi daripada impiannya untuk melihat orang Islam sepertimana orang lain di Malaysia dapat mengamalkan agama Islam dalam keadaan aman dan harmoni. Pada masa yang sama, Ahmad Ibrahim turut mengekalkan hubungan baik bersama para pemimpin dan penganut agama lain.

Ahmad Ibrahim telah menghasilkan banyak penulisan melalui artikel dan buku sepanjang penglibatan beliau dalam dunia akademik. Oleh itu, beberapa hasil kerja penting beliau telah dikompilasikan atas inisiatif IKIM dalam buku *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia* (1997) yang mengandungi sebanyak 711 muka surat manakala versi Bahasa Inggerisnya, *The Administration of Islamic Law in Malaysia* (2000)

setebal 734 muka surat. Dua buah karya utama ini menghimpunkan tulisan Ahmad Ibrahim sejak tahun 1940-an lagi.

Antara tajuk artikel dalam buku ini ialah "*Common Law di Mahkamah Sivil di Malaysia*," "*Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*," "*Konsep Perundangan Islam dan Penghayatannya di Malaysia*," "*Kedudukan Mahkamah Syariah Dalam Sistem Kehakiman*," "*Ke Arah Wawasan 2020 Mahkamah Syariah di Malaysia*" dan sebagainya. Dalam tulisan beliau, banyak idea pembaharuan dan cadangan yang diketengahkan dalam usaha meninggikan undang-undang Islam dan memperkasa Mahkamah Syariah di Malaysia melalui cadangan pindaan undang-undang bertulis di peringkat Persekutuan, pembelajaran undang-undang Syariah dan Sivil di universiti tempatan dan penambahbaikan Mahkamah Syariah dari aspek tugas para hakim, peguam dan pegawai Syariah.

Abdul Monir Yaacob dan lain-lain (2007) dalam buku *Permata Pengislahan Perundangan Islam* telah membincangkan empat pembaharuan undang-undang yang telah dilakukan oleh Ahmad Ibrahim iaitu mewujudkan *Common Law Malaysia*, Pengkanunan Undang-undang, Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Semestinya sumbangan beliau yang paling menyerlah dan signifikan ialah pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang telah mengasingkan dan meletakkan garis pemisahan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Namun dalam buku ini ia tidak membincangkan secara mendalam hingga ke metodologi dan implikasi pembaharuan tersebut terhadap polisi dan dasar sistem perundangan negara tetapi hanya menyatakan pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim dari sudut pembaharuan berkenaan secara positif sahaja.

Cadangan dan tindakan yang telah dilakukan oleh Ahmad Ibrahim hanya merupakan titik mula bagi transformasi perundangan Islam di Malaysia justeru usaha yang berterusan perlu dilaksanakan supaya hasrat untuk memartabatkan perundangan Islam tercapai dengan turut mengambil kira faktor sosio-masyarakat di Malaysia. Berdasarkan kajian ke atas penulisan-penulisan lalu sepertimana yang dibincangkan di atas, didapati bahawa kajian ke atas relevansi pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim dalam proses transformasi perundangan Islam di Malaysia masa kini jarang dibincangkan secara mendalam dan sepadu yang memerlukan kajian lanjut.

### **RELEVANSI PEMIKIRAN DAN SUMBANGAN AHMAD IBRAHIM DALAM TRANSFORMASI PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Terdapat tiga gerak kerja utama yang telah dipelankan oleh Ahmad Ibrahim (1997) dalam usaha ke arah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia iaitu memperbaiki dan meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah, melihat kepada undang-undang bertulis di peringkat persekutuan dan negeri dan mengubah mana-mana peruntukan yang terdapat bertentangan dengan undang-undang Islam serta mengadakan cara dan undang-undang untuk mengembalikan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas di Malaysia.

Dalam artikel ini, penulis membincangkan relevansi pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim dalam proses transformasi perundangan Islam di Malaysia kepada tiga idea beliau yang telah dipilih iaitu dari sudut (i) mewujudkan *Common Law Malaysia*, (ii) penstrukturan semula Mahkamah Syariah dan (iii) pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.

Malaysia pada dasarnya merupakan sebuah negara *Common Law* dengan pengenalan undang-undang Inggeris oleh British di Negeri-negeri Selat (Shaikha Zakaria, 1986). Oleh itu, sistem perundangan tradisi Inggeris ini masih diguna pakai sehingga hari ini dalam undang-undang Sivil negara yang dominan melalui pemakaian Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta 67) serta dari aspek kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Sivil. Perkara ini masih terbukti berdasarkan keputusan terkini Mahkamah Persekutuan yang memutuskan bahawa Mahkamah Sivil adalah berbidang kuasa dalam isu semakan kehakiman dan tafsiran perlembagaan sepertimana diputuskan dalam kes-kes *Indira Ghandi* (2018), *Nik Elin Zurina* (2024) dan *SIS Forum (M)* (2025).

Pertama, salah satu cadangan yang diperjuangkan oleh Ahmad Ibrahim ialah usaha ke arah mewujudkan *Common Law Malaysia*. Beliau merupakan individu yang memperkenalkan dan mempelopori idea "*Common Law Malaysia*," sebuah konsep yang amat penting dalam konteks negara merdeka memandangkan pelaksanaan undang-undang mestilah bertujuan untuk memenuhi keperluan sesebuah negara dan bukannya berdasarkan kepada undang-undang asing seperti *Common Law Inggeris*. Menurut Abdul Hamid Mohamad (1997), *Common Law Malaysia* ialah:

*"Undang-undang yang berjiwa Malaysia yang sesuai dengan keadaan di Malaysia. Ia boleh datang dari mana juga, tetapi keutamaan hendaklah diberi kepada unsur-unsur tempatan seperti hukum syarak, adat resam dan undang-undang peribadi orang-orang Melayu, Cina, India, dan lain-lain yang sesuai dipakai oleh semua di negara kita. Jadi dalam menggubal undang-undang, atau memutuskan sesuatu kes di mana terdapat kekosongan yang perlu diisi, kita harus melihat sekeliling kita dahulu, sebelum terbang ke England atau menyeberangi Lautan Hindi yang senantiasa bergelora tanpa arah dan tujuan itu atau ke negara-negara Commonwealth lain, seperti yang kerap kali dilakukan sekarang."*

Dalam artikel "*Common Law di Malaysia*" dan "*Common Law di Mahkamah Sivil di Malaysia*," Ahmad Ibrahim (1989 & 1997) mencadangkan supaya Seksyen 3 dan 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956 dipinda dengan memansuhkan semua rujukan terhadap *Common Law England* dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England, sebaliknya rujukan harus dibuat kepada keputusan-keputusan mahkamah di Malaysia yang mengikut undang-undang di Malaysia dan memberi keutamaan kepada keadaan tempatan di negeri-negeri di Malaysia dan penduduknya.

Definisi dikemukakan oleh Abdul Hamid Mohamad tersebut adalah senada dengan cadangan Ahmad Ibrahim (1989) bahawa elemen-elemen undang-undang (i) seperti

yang ditadbirkan atau diputuskan oleh mahkamah atas di Malaysia, (ii) agama, adat atau undang-undang kelaziman yang diikuti oleh kaum atau bangsa yang berkenaan di Malaysia dan (iii) prinsip undang-undang perlu dimasukkan dalam pembentukan *Common Law* Malaysia.

Namun sehingga kini cadangan tersebut tidak menampakkan perkembangannya. Akibat daripada amalan berterusan sistem *Common Law* Inggeris ini dapat dilihat melalui kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Muhamad Juzaili Bin Mohd Khamis & Ors v State Government of Negeri Sembilan & Ors* (2015) berkaitan transgender apabila para hakim berkiblatkan undang-undang yang diguna pakai di India dan Amerika Syarikat dalam memutuskan perkara berkaitan hak kebebasan asasi. Menurut Mohamed Azam Mohamed Adil (2018), spektrum yang berkaitan dengan kebebasan individu di negara Barat adalah jelas bertentangan dengan amalan di negara Timur.

Para hakim boleh menggunakan proviso Seksyen 3(1) Akta Undang-undang Sivil 1956 yang menyebut: "Dengan syarat bahawa *Common Law* dan kaedah-kaedah ekuiti dan statut pemakaian am tersebut akan dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan-keadaan di negeri-negeri dalam Malaysia dan penduduknya dan tertakluk kepada penyesuaian-penyesuaian seperti yang dianggap perlu oleh keadaan-keadaan tempatan." Namun menurut Ahmad Ibrahim (1997), hakim Mahkamah Sivil tidak cenderung menggunakan proviso seksyen tersebut.

Kedua, gelombang pembaharuan dan penambahbaikan Mahkamah Syariah telah mendapat sentuhan Ahmad Ibrahim. Kedudukan beliau yang disegani oleh semua lapisan dan bidang profesion perundangan memudahkannya untuk memberikan sumbangan dan panduan (Farid Sufian, 2007). Disebabkan kehebatan dan kefasihan beliau dalam menguasai kedua-dua undang-undang Syariah dan Sivil, maka Ahmad Ibrahim telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil yang pertama. Ahli-ahli lain yang turut dilantik untuk menganggotai jawatankuasa ini juga adalah dalam kalangan mereka yang pakar dalam kedua-dua undang-undang tersebut (Abdul Monir, 2007). Ahmad Ibrahim telah menentukan garis panduan dan tugas Jawatankuasa ini serta sentiasa mengingatkan supaya peruntukan yang akan dikemukakan hendaklah menepati hukum Syarak dan selaras dengan Perlembagaan pada masa yang sama.

Beliau juga bersungguh-sungguh ingin mengembalikan Mahkamah Syariah ke tempatnya yang asal, tinggi dan dihormati oleh semua. Walaupun hierarki Mahkamah Syariah telah mempunyai tiga tingkatan, tetapi cadangan Ahmad Ibrahim untuk menaikannya kepada lima tingkatan setanding dengan Mahkamah Sivil masih belum terlaksana. Hanya negeri Perak merupakan negeri pertama dan setakat ini satu-satunya negeri yang mempunyai empat tingkatan Mahkamah Syariah di Malaysia dikenali sebagai Mahkamah Utama Syariah pada tahun 2019. Mohd Na'im Mokhtar (2019) berpendapat bahawa satu lagi lapisan Mahkamah Syariah sepertimana dilakukan di Perak perlu diwujudkan demi memastikan proses keadilan dilaksanakan dengan baik. Hal ini disebabkan buat masa ini, hak rayuan bagi kes yang yang



dimulakan di Mahkamah Tinggi Syariah hanya sekali sahaja sebelum ke Mahkamah Rayuan Syariah sedangkan kebanyakan kes yang difailkan di mahkamah ini lebih berat dan tuntutan lebih banyak.

Disebabkan ketidakselarasan tingkatan antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil serta konflik bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah ini, ia mewujudkan persoalan sama ada sistem satu mahkamah adalah lebih baik berbanding konsep dualisme yang diamalkan sekarang ke arah memperkasa dan memartabat undang-undang Islam di Malaysia serta menyelesaikan pertindihan kes semakan kehakiman berkaitan kesalahan jenayah Syariah khususnya (Abdul Hamid Mohamad, 2017, Ismail Yahya, 2017). Dalam hal ini, Ahmad Ibrahim (1997) mencadangkan supaya Mahkamah Syariah dijadikan Mahkamah Persekutuan supaya diberi supaya diberikan perhatian sepenuhnya sebagaimana Mahkamah Sivil. Menurutnya, isu dan permasalahan berkaitan status, bidang kuasa, pelantikan serta syarat-syarat perkhidmatan pegawai kehakiman dan perundangan Syariah dapat diselesaikan jika Mahkamah Syariah ditubuh sebagai Mahkamah Persekutuan seperti Mahkamah Sivil.

Ketiga, antara sumbangan terpenting dan signifikan yang dilakukan oleh Ahmad Ibrahim ialah pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan melalui penambahan klausa 1A pada tahun 1988 dengan memberi bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah yang mana Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan. Ahmad Ibrahim (1991) menyatakan bahawa satu kesan yang terbesar yang diperolehi daripada pindaan itu ialah mengelakkan percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Tinggi sebagaimana terjadi dalam beberapa kes terdahulunya seperti kes *Myriam Iwn. Ariff* (1971) berhubung hak penjagaan anak yang mana Yang Arif Hakim memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Penjagaan Budak 1961 dan ia tidak berlawanan dengan agama Islam atau adat Melayu serta kesahataran seorang anak diputuskan mengikut Seksyen 112 Akta Keterangan 1950 oleh Mahkamah Sivil melalui kes *Ainan Iwn Syed Abu Bakar* (1939).

Walaupun setelah pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tersebut berjaya dilakukan, Mahkamah Sivil masih mencampuri urusan kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah terutamanya dalam kes-kes semakan kehakiman kesalahan jenayah Syariah (Tamir Moustafa, 2013; Maznah Mohamad, 2010; Michael G. Peletz, 2013). Ini dapat dibuktikan melalui keputusan mengejutkan dalam kes *SIS Forum (M) v Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, intervener)* (2022) dan *Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* (2021) yang mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa undang-undang jenayah Syariah berhubung bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah bagi semakan kehakiman dan kesalahan seks luar tabii di Selangor adalah tidak sah dan tidak berperlembagaan.

Hal ini semestinya memberi tamparan hebat buat peruntukan-peruntukan Syariah yang lain pada masa akan datang, terutamanya enakmen Jenayah Syariah yang kadangkala mempunyai pertindihan klausa dengan Kanun Keseksan di bawah Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini telah dibuktikan melalui



keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Nik Elin Zurina binti Nik Abdul Rashid dan Tengku Yasmin Natasha binti Tengku Abdul Rahman lwn Kerajaan Negeri Kelantan* (2024) yang memutuskan bahawa 16 kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 adalah tidak sah dan batal. Seksyen 11, 14, 16, 17, 31, 34, 36, 37(1)(b), 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 47 dan 48 berkaitan liwat, gangguan seksual, perbuatan sumbang mahram, muncikari dan persetubuhan dengan mayat antara kesalahan termasuk dalam peruntukan-peruntukan dinyatakan. Meskipun keputusan ini hanya memberi kesan kepada negeri Kelantan, namun kebarangkalian untuk peruntukan kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri lain diputuskan sebagai tidak sah dan terbatal juga adalah sama berdasarkan keputusan ini sekiranya dicabar di Mahkamah Sivil kelak.

Oleh yang demikian, gagasan idea Ahmad Ibrahim ini turut membawa kepada persoalan-persoalan penting seperti kewajaran pembangunan sistem perundangan tersendiri melalui pembentukan *Common Law Malaysia*, penstrukturan semula Mahkamah Syariah kepada lima tingkatan supaya menyamai Mahkamah Sivil dan prospek masa depan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan terutamanya dalam kes-kes yang bercanggah seperti semakan kehakiman kes-kes kesalahan jenayah Syariah yang membawa kembali persoalan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Ini juga mendesak supaya penggubalan enakmen dan akta Syariah yang terkini supaya lebih progresif, menyeluruh dan kontemporari segera dilakukan dalam mendepani asakan dan tujahan pihak-pihak berkepentingan yang senantiasa mempersoal dan mencari celahan (*loophole*) dalam sistem perundangan Syariah yang lompong. Contohnya, peruntukan undang-undang berkaitan transgender (Azman et. al, 2020, Hariz Shah, 2021) dan undang-undang murtad (Mohamed Azam, 2020).

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada ulasan kajian di atas, terdapat banyak penulisan dan kajian ditulis berkaitan pemikiran dan sumbangan Ahmad Ibrahim. Walau bagaimanapun, kebanyakan penulisan menyentuh aspek pemikiran dan sumbangan beliau secara umum dalam pelbagai bidang. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi melihat perkembangan terkini (*new development*) terhadap cadangan dan usaha yang telah dimulakan dan dilakukan oleh Ahmad Ibrahim berdasarkan gagasan idea tersebut dan menganalisis relevansi pemakaiannya dengan situasi pada hari ini. Idea pembaharuan tersebut berkemungkinan adalah bersifat idealistik pada masa tersebut, tetapi mengambil kira faktor politik, sosial, ekonomi dan keadaan semasa, konsep realistik perlu diambil kira ke arah pengaplikasian undang-undang Islam di Malaysia. Ia perlu dilakukan secara berhati-hati, berhemah dan non-prejudis. Kajian bersifat kontemporari dan kekinian yang mana beberapa perkembangan baharu dapat dilihat melalui trend keputusan penghakiman di Mahkamah Sivil dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini seperti *SIS Forum (M)* (2025), *Nik Elin Zurina* (2024) dan *Iki Putra* (2021) yang menyentuh soal bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap isu perintah agama Islam (*precepts of Islam*) dan semakan kehakiman.

Selain itu, prospek masa depan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan berhubung kejelasan pemisahan bidang kuasa antara kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil perlu dikaji dan dianalisis secara rinci rentetan beberapa cabaran yang dihadapi Mahkamah Syariah terutamanya berkaitan kes-kes semakan kehakiman kesalahan jenayah Syariah oleh Mahkamah Sivil. Terdapat pula pemakaian Doktrin Struktur Asas Perlembagaan dalam beberapa kes terkini yang menjadi asas penghakiman hakim untuk membuat keputusan. Perlu diingat, doktrin ini berasal dari India dan sejauh mana ia sesuai diaplikasikan di Malaysia adalah dipersoal dan perlu dikaji lebih lanjut agar tidak mengganggu gugat roh undang-undang Islam dan nilai-nilai tempatan sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3, 8, 11, 12, 121 dan 150 Perlembagaan Persekutuan serta kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Dalam usaha mengembalikan semula kedudukan undang-undang Islam di Malaysia ke tempat yang tertinggi, cadangan-cadangan dipelopori Ahmad Ibrahim masih relevan untuk diteruskan dan ditambah baik lagi. Ia memerlukan gembleran kuasa legislatif, eksekutif dan judisiari untuk menjadikannya satu struktur sistem perundangan negara tersendiri dengan acuan agama, adat dan budaya masyarakat majmuk di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. (2016). Ke Arah Common Law Malaysia (1997). *Konflik dan Pengharmonian: Konflik Bidang Kuasa dan Pengharmonian Undang-undang*, peny. Shamrahayu A. Aziz. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Abdul Hamid Mohamad. (2017). Artikel 121(1A): Sejauh manakah ianya menyelesaikan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Dalam Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Sejauh Manakah Artikel Ini Menyelesaikan Konflik Antara Mahkamah Syariah Dengan Mahkamah Sivil*, Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.
- Abdul Monir Yaacob, Mahamad Arifin, Najibah Mohd Zin & Siti Shamsiah Md Supi. (2007). *Permata Pengislahan Perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Monir Yaacob. (2005). Profesor Ahmad Ibrahim dan Sumbangan Beliau dalam Perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Undang-undang IKIM Law Journal*. Vol. 9 No.1 Jan-Jun, 1-11.
- Abdul Monir Yaacob. (2009). Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. *Journal of Fiqh*. No.6, 1-20.
- Abdul Monir Yaacob. (2017). *Perkembangan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.



- Aemy Elyani Mat Zain, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, 'Aisyah Anzaruddin & Nooranissa Ramlee. (2019). Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim dan Profesor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar: Kajian Konseptual Terhadap Profil dan Sumbangan Tokoh. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3. Hotel Grand Blue Wave Shah Alam: Selangor.
- Ahmad Hidayat Buang. (2005). Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran Alaf Baru. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. (2018). Apa yang tinggal lagi kepada Mahkamah Syariah: Ulasan kes Indira Ghandi A.P. Mutho V. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and Other Appeal [2018] 1 MLJ 545. *Journal of Shariah Law Research*. Vol. 3(2), 235-240.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. (1985). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. (1965). *Islamic Law in Malaya*, ed. Shirle Gordon. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Ahmad Ibrahim. (1989). Common Law di Malaysia. *KANUN* 3 1(1): 3-25.
- Ahmad Ibrahim. (1991). Pindaan Kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam. *Jurnal Hukum*. 7/2, 129.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (2000). *The Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Nabil Amir. (2007). Islamisasi Undang-undang di Malaysia: Usaha dan Sumbangan Profesor Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim. Makalah Koleksi Persidangan Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah, Hilton Petaling Jaya: Selangor, 21-22 Ogos 2007.
- Ahmad Nabil Amir. (2022). Ahmad Ibrahim and the Islamization of Law in Malaysia. *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat*. Vol. 22 No. 1, 159-178.
- Ahmad Nabil Amir. (2022). Ahmad Ibrahim and the Islamization of the Legal System in Malaysia. *International Journal of al-Quran and Knowledge (IJQK)*. Vol. 2 Issue 1. 67-82.



- Ahmad Nabil Amir. (2024). Ahmad Ibrahim and the Islamization of Law in Malaysia. *Lex Societas: Journal of Law and Public Administration*. Vol. 1 No. 1: 1-16.
- Azman Ab. Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap & Nur Fatihah Amlin Ab. Ghani. (2020). Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) Menurut Perspektif Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil di Malaysia: Suatu Perbandingan. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. Vol. 8. No. 1 August: 31-45.
- Bernama. (2019). Satu lagi lapisan Mahkamah Syariah perlu diwujudkan – Ketua Hakim Syarie. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/satu-lagi-lapisan-mahkamah-syariah-perlu-diwujudkan-ketua-hakim-syarie-223883>. 28 November.
- Fakulti Undang-undang Universiti Malaya. (1988). *Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid Sufian Shuaib. (2007). Ahmad Ibrahim dan Pemantapan Mahkamah Syariah Pasca Merdeka. *Makalah Koleksi Persidangan Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*. Hilton Petaling Jaya: Selangor, 21-22 Ogos.
- Hooker, M.B. (1986). *Malaysian Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Hooker, M.B. (1986). The Law Texts of Muslim South-East Asia. *Laws of South-East Asia: The Pre-Modern Texts*. Volume I, ed. M.B. Hooker. Singapore: Butterworth & Co (Asia) Pte Ltd.
- Horowitz, Donald L. (1994). The Qur'an and the Common Law: Islamic Law Reform and the Theory of Legal Change. *The American Journal of Comparative Law*. Vol. 42 No. 2 Spring, 233-293.
- Ismail Yahya. (2017). Peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Sejauh Manakah Artikel ini Menyelesaikan Konflik Antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Dalam Abdul Monir Yaacob & Nurul 'Uyun Haji Zainal (Eds.), *Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Sejauh Manakah Artikel Ini Menyelesaikan Konflik Antara Mahkamah Syariah Dengan Mahkamah Sivil* Cyberjaya: Universiti Islam Malaysia.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. (2017). Transformasi Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir. *KANUN* 26 (1): 38-71.
- Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-kes Jenayah Syariah. *'Ulum Islamiyyah Journal*. Vol.12 (June): 87-103.



- Koleksi Persidangan Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah. (2007). 21-22 Ogos. Petaling Jaya: Selangor.
- Liaw Yock Fang. (1976). *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Maznah Mohamad. (2010). Making majority, undoing family: law, religion and the Islamization of the state in Malaysia. *Economy and Society Journal*. Vol. 39 No. 3, 360-384.
- Mohamad Hafifi Hassim, Ahmad Murshidi Mustapa dan Abdul Hakim Baharuddin. (2019). Sejarah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakiman Islam di Negeri Melaka. *Journal of Muwafaqat*. Vol. 2 No. 2. 59-72.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2018). *Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Khayalan atau Realiti?* Nilai: ILHAM Books.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2020). Undang-undang Murtad: Satu Kupasan. dalam Siti Shamsiah Md Supi, peny., *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang. (2021). Ahmad Ibrahim dan Sumbangannya dalam Perkembangan Islam di Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*. Vol. 16(1): 81-98.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang. (2021). Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan. *Jurnal Sains Insani*. 6(3): 8-20.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah dan Ahmad Hidayat Buang. 2022. Ahmad Ibrahim (1916-1999) dan Sudirman Arshad (1954-1992): Ikon Perpaduan Negara dalam Bidang Perundangan dan Seni Persembahan. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*. Jilid 33(2): 1-25.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2023). Transformasi Perundangan Islam di Malaysia: Kajian Terhadap Pemikiran dan Sumbangan Ahmad Mohamed Ibrahim (1916-1999). Tesis PhD., Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah. (2024). Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim: Tokoh Perundangan Terulung. *Dewan Masyarakat*. Bil. 1: 32-33.



- Mohd Badrol Awang. (2011). Ahmad Ibrahim dan Reformasi Pengajian Undang-undang Islam di Malaysia. *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia*. Vol. 23 No. 1: 40-60.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2020). Transformasi Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Malaysia. Dalam Mohamed Azam Mohamed Adil, Ahmad Hidayat Buang & Ahmad Badri Abdullah (Eds.), *Mahkamah Syariah Di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan*, Shah Alam: Penerbit UiTM
- Muhammad Ahmad Munir. (2017). Dichotomy of Idealism and Realism. *Islamic Studies*. Vol. 56 No. 1-2, 53-76.
- Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad. (2000). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Peletz, Michael G. (2013). Malaysia's Syariah Judiciary as Global Assemblage: Islamization, Corporatization, and Other Transformations in Context. *Comparative Studies in Society and History*. Vol. 55 No. 3. 603-633.
- Schacht, Joseph. (1960). Problems of Modern Islamic Legislation. *Studia Islamica*. No. 12: 99-129.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman. (2007). Masa Depan Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran dan Strategi Dalam Masyarakat Majmuk. *Jurnal Hukum* Jld. 23 Bhg. 2. 165-189.
- Siti Shamsiah Md Supi, peny. (2020). *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Tamir Moustafa. (2013). Liberal Rights versus Islamic Law? The Construction of a Binary in Malaysian Politics. *Law & Society Review*. Vol. 47 No. 4, 771-802.
- Winstedt, R.O. (1958). A History of Classical Malay Literature: Digests of Law. *J.M.B.R.A.S., Monograph No.5 on Malay Subjects*, 31:3, 136.
- Zainuddin Jaffar. (2007). "Championing The Reassertion of the Shari'ah in Modern Time – Comparing Ahmad Ibrahim With 'Abdur Razzaq Al-Sanhuri of Egypt" (makalah, Koleksi Persidangan Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah, Hilton Petaling Jaya: Selangor, 21-22 Ogos 2007).
- Zaleha Kamaruddin. (2011). Memacu Transformasi Perundangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Hukum*. Jld. 32 Bhg. 1: 1-12.



## **Statut**

Akta Penjagaan Budak 1961  
Akta Keterangan 1950  
Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta 67)  
Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019  
Perlembagaan Persekutuan

## **Senarai Kes**

*Ainan Iwn Syed Abu Bakar* [1939] MLJ 209  
*Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 2 MLJ 323  
*Indira Ghandi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* [2018] 1 MLJ 545  
*Muhamad Juzaili Bin Mohd Khamis & Ors v State Government of Negeri Sembilan & Ors* [2015] 3 MLJ 513  
*Myriam Iwn. Ariff* [1971] 1 MLJ 275  
*Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor v Kerajaan Negeri Kelantan* [2024] 2 MLJ 150  
*Ramah Iwn. Laton* (1927) 6 FMSLR 128  
*SIS Forum (M) v Kerajaan Negeri Selangor (Majlis Agama Islam Selangor, intervener)* [2022] 2 MLJ 356  
*SIS Forum (M) & Anor v Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Ors* [2025] 4 MLJ 625